

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HMT 328 - Psikolinguistik**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SATU** [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

**Bahagian A**

1. Senaraikan struktur-struktur neuroanatomikal yang terlibat di dalam pertuturan dan bahasa. Gambarkan juga bagaimana pertuturan dikawal oleh otak.  
[25 markah]

**Bahagian B**

2. Bezakan antara model-model persepsi bahasa atas ke bawah (top-down) dengan bawah ke atas (bottom-up). Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa bahasa diproses dari bawah ke atas? Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pemprosesan atas ke bawah barangkali memainkan peranan?

[25 markah]

3. Bandingkan dan bezakan model-model akses leksikal.  
[25 markah]
4. Apakah persamaan dan perbezaan antara model-model organisasi semantik? Mengapakah “spreading activation network model” dianggap yang paling fleksibel di antara ketiga-tiga model tersebut?  
[25 markah]

### **Bahagian C**

5. Bandingkan model-model penghasilan bahasa yang dimajukan oleh Fromkin (1971), Garrett (1975, 1984), Levelt (1989), dan Dell (1986). Dari segi apakah model-model ini serupa? Dari segi apakah model-model ini berbeza?  
[25 markah]
6. “Model-model pemprosesan pembacaan sudah menjadi semakin kompleks dan pelbagai” (Wolf, Vellutino & Gleason, 1998). Apakah komponen-komponen yang asas di dalam kebanyakan model-model pemprosesan pembacaan, dan kenapakah model-model teoretikal penting bagi kanak-kanak sebenar?  
[25 markah]

### **Bahagian D**

7. Bandingkan dan bezakan pendekatan-pendekatan kognitif dengan interaksionist sosial mengenai nativisme-empiricisme, structuralisme-functionalisme, dan kanak-kanak aktif-pasif. Apakah ramalan-ramalan yang setiap kumpulan ahli-ahli kognitif dan interaksionist sosial akan buat sekiranya kanak-kanak didedahkan kepada bahasa hanya melalui televisyen?  
[25 markah]
8. Bincangkan hujah-hujah yang menyokong kewujudan **tempoh kritikal** bagi pemerolehan bahasa kedua. Bincangkan juga hujah-hujah yang menyangkal tanggapan ini.  
[25 markah]